

Pakar Britain cadang amalan habiskan antibiotik dihenti

BH
28/7/17
mls 8

Paris: Sekumpulan pakar perubatan di Britain mencadangkan supaya amalan menghabiskan antibiotik dihentikan kerana ia adalah antara punca daya tahan terhadap penyakit berkurangan.

Pasukan penyelidik itu menerusi jurnal perubatan British (BMJ) memaklumkan bahawa punca rintangan antibiotik adalah disebabkan penggunaannya secara berlebihan berbanding menghentikan pengambilannya lebih awal.

“Kami menggalakkan penggubal dasar, pendidik dan doktor supaya berhenti menyuruh pesakit meng-



Kami menggalakkan penggubal dasar, pendidik dan doktor supaya berhenti menyuruh pesakit menghabiskan antibiotik”

Martin Llewelyn,
Pakar penyakit berjangkit

habiskan antibiotik.

Amalan tidak berasas

“Sebaliknya mereka patut memaklumkan amalan menghabiskan antibiotik ini tidak berasaskan bukti dan sesuatu yang tidak betul,” kata pasukan itu yang diketuai pakar penyakit berjangkit, Martin Llewelyn dari Fakulti Perubatan Brighton dan Sussex.

Pasukan itu berpendapat kajian lanjut perlu untuk mencari kaedah alternatif, namun pesakit sepatutnya menghentikan rawatan apabila mereka merasa sihat.